



KEMENTERIAN KERJA RAYA

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATO' SRI ABDUL RAHMAN
BIN MOHAMAD**

TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROJEK MENAIK TARAF
LALUAN 64 JALAN BENTA - JERANTUT - MARAN,
FASA 1 SEGMENT 7**

PADA 5 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

Assalamualaikum w.b.t, salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI,

1. Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada hadrat Ilahi kerana pada hari ini kita diberikan kesejahteraan dan kesempatan untuk bersama-sama menghadiri **Majlis Perasmian Projek Menaik Taraf Laluan 64 Jalan Benta - Jerantut - Maran, Fasa 1 Segmen 7** (Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Jerantut - Kampung Lata Kasah, Jerantut, Pahang).
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada pasukan Kementerian Kerja Raya (KKR), Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR Malaysia), pihak urus setia, dan seluruh warga kerja yang terlibat dalam projek ini kerana mengundang saya untuk menyempurnakan majlis pada hari ini. Tidak lupa juga kepada tetamu yang hadir dari pelbagai agensi kerajaan, pihak Kontraktor, serta rakan-rakan media.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

3. Kementerian Kerja Raya (KKR) sentiasa memberikan komitmen dalam membangunkan infrastruktur terbaik untuk Keluarga Malaysia Madani. Kerajaan komited dalam menyampaikan infrastruktur awam yang terbaik kepada semua rakyat Malaysia di samping menyokong perkembangan ekonomi serta pembangunan yang holistik dan mampan kepada negara. Projek Menaik Taraf Laluan 64 Jalan Benta - Jerantut - Maran Fasa 1

Segmen 7 ini adalah salah satu projek yang membuktikan komitmen KKR kepada aspirasi tersebut.

4. Untuk makluman, projek ini merupakan salah satu daripada 3 Fasa naik taraf Laluan 64 yang dirancang bagi menghubungkan tiga daerah melibatkan Benta, Jerantut, dan Maran. Sehingga hari ini, Fasa 1 yang melibatkan jalan dari Benta ke Jerantut dan Fasa 3 dari Simpang Jengka ke Simpang Maran masih dalam peringkat pelaksanaan oleh Jabatan Kerja Raya manakala Fasa 2 pula melibatkan jalan dari Jerantut ke Simpang Jengka sepanjang 21 kilometer telah siap sepenuhnya. Projek yang akan dirasmikan pada hari ini merupakan Fasa 1 Segmen 7 yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan pada ***Rolling Plan 2, Rancangan Malaysia Ke-11 (RP2, RMKe-11)*** dengan kos keseluruhan berjumlah RM 71.02 juta.

5. Projek ini telah memulakan pembinaan pada **27 Disember 2017** dan telah siap sepenuhnya pada **25 Mei 2023**. Seperti mana semua hadirin sedia maklum, Laluan Persekutuan 64 (*Federal Trunk 64 – FT64*) yang telah dibina sejak sekian lama ini mempunyai beberapa elemen yang perlu ditambah baik berikutan keadaan geometri jalan raya yang bengkang-bengkok dan sempit. Keadaan ini sedikit sebanyak boleh menjelaskan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya. Oleh itu, projek ini menjadi salah satu daripada keutamaan dalam pelaksanaan oleh Kerajaan Persekutuan kerana objektifnya adalah untuk mengurangkan risiko kemalangan, memastikan keselesaan, kebolehgunaan dan kesalinghubungan pengguna jalan raya khususnya penduduk di sekitar tiga daerah yang terlibat.

6. Skop utama yang terlibat dalam projek ini adalah menaik taraf jalan tunggal 2 lorong sedia ada sepanjang 6.7 kilometer termasuk menyediakan bahu jalan berturap selebar 2.0 meter mengikut piawaian JKR R5, baik pulih jambatan, pengalihan utiliti, menaik taraf 7 persimpangan utama seperti persimpangan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Jerantut dan persimpangan SMK Inderapura, pengambilan balik tanah dan pemasangan lampu isyarat, lampu jalan serta lampu isyarat pejalan kaki.
7. Dengan pelaksanaan projek ini, tahap keselamatan jalan raya di Laluan 64 dapat dipertingkatkan dengan ketara setelah pemasangan perabot keselamatan jalan dan pengurangan selekoh di sepanjang jalan ini. Berdasarkan kepada kajian trafik semasa yang dilaksanakan oleh JKR, tahap perkhidmatan jalan bagi Laluan 64 juga bertambah baik iaitu berada pada Tahap Perkhidmatan (*Level of Service - LOS*) B.
8. Saya berharap jajaran jalan yang telah disiapkan ini dapat memberikan kemudahan dan keselesaan kepada pihak pengguna. Selain itu, pihak kontraktor juga diharap dapat mengekal dan meneruskan tanggungjawabnya sepanjang tempoh tanggungan kecacatan selama satu (1) tahun iaitu sehingga 25 Mei 2024 kelak.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Pada kesempatan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek ini sama ada agensi kerajaan mahupun swasta.

9. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya rasmikan penyerahan projek Menaik Taraf Laluan 64 Jalan Benta - Jerantut - Maran Fasa 1 Segmen 7.

Sekian, terima kasih.

-Tamat-